

Belia baca khutbah Jumaat hari ini

Jabatan belia kemuka 24 nama pemimpin belia kepada JAIPK untuk dapat tauliah sementara baca khutbah

IPOH

Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah berkenan golongan belia di negeri ini diberi penghormatan membaca khutbah Jumaat di beberapa masjid di Perak hari ini bersempena sambutan Hari Belia Negara yang disambut 15 Mei lepas.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Mohd Annuar

Zaini dalam kenyataan berkata, ia bagi mengiktiraf peranan penting generasi berkenaan kepada negara.

"Baginda telah menitahkan supaya khutbah Jumaat di negeri Perak pada 19 Mei (hari ini) bertemakan 'Belia Pewaris Negara Bangsa'.

"Baginda turut memperkenalkan para pemimpin belia diberikan penghormatan membaca khutbah Jumaat di masjid-masjid di negeri Perak, pada 19 Mei (hari ini)," kata Mohd Annuar.

Mohd Annuar berkata, susulan itu Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak telah mengemukakan 24 nama pemimpin belia kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) untuk mendapat tauliah sementara membaca khutbah di 24 masjid di negeri Perak.

Katanya, Sultan Nazrin Shah turut memberi perkenan kepada Muhammad Syukri Alimar Shidi



Sultan Nazrin Shah berkenan golongan belia di negeri ini diberi penghormatan membaca khutbah Jumaat di beberapa masjid hari ini sempena sambutan Hari Belia Negara yang disambut 15 Mei lepas.

daripada Kelab Belia Abrar Sungai Rokam untuk membaca khutbah Jumaat di Masjid Negeri, Masjid Sultan Idris Shah II, esok. Antara masjid lain di negeri

ini yang memberi penghormatan kepada golongan belia untuk membacakan khutbah Jumaat ialah Masjid Al-Falah Taman Sri Kota di Larut Matang dan

Selama, Masjid Sultan Idris Shah di Hilir Perak, Masjid Sultan Yusuf Izzudin Shah di Perak Tengah dan Masjid Jamek Gerik di Hulu Perak. - Bernama

**HARI BELIA
NEGARA**